



Nancy (belakang dua dari kanan), Dr Adham (belakang dua dari kiri), Hasni (belakang empat dari kanan) dan Ketua Legoland Malaysia Resort, Stephanie Saw Ai Lin pada perasmian mural Lego untuk menghargai petugas barisan hadapan COVID-19 di Iskandar Puteri, semalam. (Foto BERNAMA)

# MySejahtera jejak individu kunjungi lokasi berisiko

+ KKM boleh hubungi jika ke tempat disahkan ada jangkitan

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Iskandar Puteri:** Aplikasi MySejahtera mampu mengesan individu yang mengunjungi lokasi berisiko atau kontak rapat kes COVID-19 walaupun mereka sudah melarikan diri daripada kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata walaupun tidak lagi berada dalam kawasan PKPD, penduduk atau kontak rapat kes COVID-19 yang dikenal pasti melalui pangkalan data MySejahtera tetap akan dihubungi Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) sekiranya didapati berisiko.

"Inilah gunanya MySejahtera. Mereka (penduduk atau kontak rapat) akan dihubungi KKM jika didapati berisiko atau pernah ke tempat yang disahkan ada jangkitan aktif.

"Kita akan pastikan mereka tidak terlepas, malah sudah lebih 16 juta (individu) yang mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas dakwaan ramai penduduk meninggalkan Kota Setar di Kedah selepas pengumuman penguatkuasaan PKPD Pentadbiran di daerah itu, sehingga Jalan Alor Star-Sungai Petani sesak teruk, kelmarin.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis perasmian mural Lego untuk menghargai petugas barisan hadapan COVID-19, di sini. Yang turut hadir, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri dan Menteri

Besar, Datuk Hasni Mohammad.

Penguatkuasaan PKPD Pentadbiran di Kota Setar diputuskan selepas mengambil kira peningkatan kes positif COVID-19 dari Kluster Sungai dan Tawar di daerah berkenaan.

Mengenai kebimbangan rakyat berhubung ancaman gelombang ketiga COVID-19 menjelang musim dingin di negara beriklim sejuk, Dr Adham berkata, KKM yakin kemampuan pelbagai agensi awam negara yang mengawal pintu sempadan negara daripada jangkitan kes import.

"Penularan wabak COVID-19 di Wuhan, China dilaporkan berlaku ketika musim sejuk tahun lalu, jadi KKM perlu lihat bagaimana musim sejuk kali ini mampu menularkan wabak berkenaan bagi memastikan ia tidak mengancam negara kita pula.

"Kita yakin kawalan di pintu sempadan sangat ketat dan ia membantu kekang wabak merebak ke negara kita," katanya.